



**JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN  
SOLAT JUMAAT, SOLAT FARDU LIMA WAKTU,  
SOLAT SUNAT TARAWIH DAN AKTIVITI PENGIMARAHAN DI  
MASJID DAN SURAU WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN**

## 1. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan untuk dijadikan rujukan kepada Jawatankuasa Kariah masjid, surau Jumaat dan surau serta para jemaah di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan berkaitan pelaksanaan solat Jumaat, solat fardu lima waktu, solat sunat tarawih dan aktiviti pengimarahannya agar pelaksanaannya memenuhi tatacara yang ditetapkan.

## 2. LATAR BELAKANG

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** telah memperkenankan perkara-perkara berikut:

- i. Bilangan jemaah solat fardu lima waktu **dibenarkan** mengikut kapasiti sebenar masjid dan surau dengan penjarakan 1.5 meter;
- ii. Kapasiti jemaah solat Jumaat **diperluaskan** ke semua ruang masjid dan surau Jumaat yang sesuai termasuk kawasan berkhemah dengan penjarakan 1.5 meter;
- iii. Bilangan jemaah solat sunat tarawih **dibenarkan** mengikut kapasiti sebenar masjid dan surau dengan penjarakan 1.5 meter;
- iv. Solat sunat tarawih Ramadan 1442H **dilaksanakan sebanyak 20 rakaat** dengan bacaan surah-surah atau ayat-ayat pendek;
- v. Tadarus al-Quran **dibenarkan** pada kapasiti 50% dewan solat utama masjid dan surau dalam tempoh masa tidak melebihi satu (1) jam dengan mematuhi penjarakan fizikal;
- vi. Qiamullail **dibenarkan** 30 minit sebelum waktu imsak;
- vii. Pembayaran zakat fitrah **dibenarkan** secara manual atau pembayaran terus kepada amil;
- viii. Tazkirah **tidak dibenarkan** sepanjang pelaksanaan solat tarawih 20 rakaat dan witr tiga rakaat;
- ix. Majlis berbuka puasa **tidak dibenarkan** kecuali untuk ahli jawatankuasa dan petugas; dan
- x. Pasukan petugas yang terdiri daripada lelaki dan wanita diwujudkan bagi mengawal jemaah semasa solat sunat tarawih.

### 3. OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Menyediakan panduan spesifik untuk panduan masjid, surau Jumaat dan surau dalam menguruskan pelaksanaan solat Jumaat, solat fardu lima waktu, solat sunat tarawih dan penganjuran aktiviti pengimarahannya.
- ii. Memastikan solat Jumaat, solat fardu lima waktu, solat sunat tarawih dan aktiviti pengimarahannya di masjid, surau Jumaat dan surau dapat dilaksanakan secara selamat, teratur dan terkawal.

### 4. KETETAPAN UMUM

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) membuat ketetapan bagi masjid, surau Jumaat dan surau seluruh Wilayah-Wilayah Persekutuan seperti berikut:

#### 4.1 Kapasiti jemaah

Perkara	Kapasiti Jemaah
Solat Jumaat	Semua ruang yang sesuai di masjid, surau Jumaat dan surau yang diberi kebenaran khas untuk mendirikan solat Jumaat termasuk kawasan berkhemah dengan penjarakan 1.5 meter.
Solat fardu lima waktu dan solat sunat tarawih	Mengikuti kapasiti sebenar masjid dan surau dengan penjarakan 1.5 meter.

#### 4.2 Kategori jemaah

- 4.2.1 Warganegara Malaysia lelaki dibenarkan hadir untuk menunaikan solat Jumaat, solat fardu lima waktu, solat sunat tarawih dan solat berjemaah yang lain.
- 4.2.2 Warganegara Malaysia wanita dibenarkan hadir untuk menunaikan solat fardu lima waktu, solat sunat tarawih dan solat berjemaah yang lain.
- 4.2.3 Pemastautin Tetap (PR) yang melazimi solat fardu berjemaah di masjid dan surau serta dikenali oleh Jawatankuasa Kariah **dibenarkan** untuk menghadiri solat Jumaat, solat fardu lima waktu, solat sunat tarawih dan solat berjemaah yang lain.

- 4.2.4 Kanak-kanak berusia lapan (8) tahun ke atas dibenarkan untuk menghadiri solat Jumaat, solat fardu lima waktu, solat sunat tarawih dan solat berjemaah yang lain.
- 4.2.5 Pegawai dan kakitangan kedutaan negara asing dibenarkan untuk menghadiri solat Jumaat.

#### 4.3 Penganjuran aktiviti pengimarahannya

- 4.3.1 Masjid dan surau di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dibenarkan mengadakan semua aktiviti pengimarahannya seperti kuliah Maghrib, kuliah Subuh, kuliah Dhuha, tazkirah Jumaat, tazkirah zohor dan kelas pengajian al-Quran.
- 4.3.2 Masjid dan surau di kawasan PKPB dan PKPP hendaklah mengadakan bacaan Yasin, Doa Munajat dan Tahlil setiap malam Jumaat.
- 4.3.3 Masjid dan surau di kawasan PKPB dan PKPP hendaklah mengadakan solat hajat selepas Maghrib setiap malam dan selepas solat Jumaat.
- 4.3.4 Dibenarkan aktiviti pengimarahannya dengan pematuhan perkara berikut:
  - i. penjarakan fizikal antara peserta sejauh 1.5 meter;
  - ii. kekal berada di tempat yang sama; dan
  - iii. sentiasa memakai pelitup muka.
- 4.3.5 Penyediaan makanan dibenarkan secara berbungkus (*pack-food*) sahaja.

#### 4.4 Majlis akad nikah

Masjid dibenarkan mengadakan majlis akad nikah dengan kehadiran maksimum **50 orang** tertakluk kepada keluasan dewan atau ruang akad nikah yang digunakan dengan penjarakan fizikal 1.5 meter.

#### 4.5 Pengurusan jenazah

- 4.5.1 Pengurusan jenazah yang melibatkan kematian bukan COVID-19 adalah dibenarkan dilaksanakan di masjid dan surau dengan had maksimum jurumandi dan petugas lima (5) orang.
- 4.5.2 Solat jenazah dibenarkan dengan jumlah separuh kapasiti dewan solat utama dengan penjarakan fizikal 1.5 meter.

#### 4.6 Majlis Kemasyarakatan

- 4.6.1 Majlis kemasyarakatan seperti walimatulurus (kenduri perkahwinan) dan majlis aqiqah boleh diadakan sama ada di dalam dewan atau di kawasan yang ditentukan dengan **penjarakan fizikal 1.5 meter**.
- 4.6.2 Maksimum **250 orang** tetamu terdiri daripada ahli-ahli keluarga sahaja dibenarkan tertakluk kepada saiz ruang dan penjarakan fizikal.
- 4.6.3 **Penyediaan makanan secara bufet layan diri tidak dibenarkan.**
- 4.6.4 Penyediaan makanan adalah dibenarkan sama ada secara:
  - i. berbungkus (*pack-food*),
  - ii. hidangan (*served*), atau
  - iii. *dome setting*.
- 4.6.5 Protokol Majlis kemasyarakatan selain penyediaan makanan boleh dirujuk kepada SOP Penganjuran Majlis Sosial PKPB dan PKPP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

#### 4.7 Pengimarahhan Ramadan 1442H

##### 4.7.1 Solat sunat tarawih

- i. Solat sunat tarawih Ramadan 1442H hendaklah dilaksanakan sebanyak **20 rakaat** dengan bacaan surah-surah atau ayat-ayat pendek.

- ii. Tazkirah **tidak dibenarkan** sepanjang pelaksanaan solat sunat tarawih 20 rakaat dan witr tiga rakaat.

#### 4.7.2 Tadarus al-Quran

- i. Tadarus al-Quran boleh dilaksanakan di masjid dan surau dengan jumlah peserta separuh atau 50% dari kapasiti dewan solat utama dengan penjarakan fizikal 1.5 meter.
- ii. Lelaki, wanita dan kanak-kanak berumur 8 tahun ke atas dibenarkan menyertai tadarus al-Quran.

#### 4.7.3 Qiamullail dan sahur

- i. Qiamullail boleh dilaksanakan 30 minit sebelum waktu imsak.
- ii. Lelaki dan wanita dibenarkan menyertai qiamullail.
- iii. Makanan sahur boleh disediakan kepada jemaah yang menyertai qiamullail.
- iv. Makanan hendaklah disediakan secara berbungkus dan boleh dimakan dengan mematuhi penjarakan fizikal.

#### 4.7.4 Pembayaran zakat fitrah

- i. Pembayaran zakat fitrah secara manual iaitu pembayaran terus kepada amil adalah **dibenarkan** di samping pembayaran secara dalam talian (*online*) atau kaedah yang ditetapkan oleh Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).
- ii. Tidak perlu bersalaman semasa pembayaran zakat fitrah.
- iii. Amil dan pembayar wajib memakai pelitup muka.
- iv. Pembayar menyediakan wang secukupnya.
- v. Amil dan pembayar mematuhi penjarakan fizikal 1 meter.

#### 4.7.5 Iftar dan moreh

- i. Jamuan berbuka puasa atau majlis iftar **tidak dibenarkan**.
- ii. Jawatankuasa Kariah masjid dan surau digalakkan menyediakan makanan berbuka puasa untuk disumbangkan kepada golongan yang memerlukan dan barisan hadapan (*frontliner*).
- iii. Makanan hendaklah disediakan secara berbungkus dan dihantar terus kepada penerima.
- iv. Makanan berbungkus boleh diagihkan kepada wakil-wakil penerima di masjid dan surau **sebelum jam 5.30 petang** jika penghantaran terus tidak dapat dilakukan.
- v. Moreh **tidak dibenarkan** tetapi Jawatankuasa Kariah boleh menyediakan makanan secara berbungkus selepas solat sunat tarawih untuk dibawa pulang oleh jemaah.
- vi. Jemaah hendaklah mematuhi penjarakan fizikal ketika mendapatkan makanan moreh.

#### 4.7.6 Pewujudan pasukan petugas

- i. Masjid dan surau hendaklah mewujudkan pasukan petugas yang terdiri daripada lelaki dan wanita untuk mengawal jemaah semasa solat sunat tarawih dilaksanakan.
- ii. Pusat jagaan kanak-kanak tidak dibenarkan dibuka sepanjang Ramadan di masjid dan surau.

## 5. TANGGUNGJAWAB

### 5.1 Tanggungjawab pengurusan masjid dan surau

- 5.1.1 Mengadakan kaunter di pintu masuk bagi pemeriksaan suhu badan, perekodan kehadiran jemaah dan sanitasi tangan;
- 5.1.2 Membuat penandaan jarak antara jemaah **1.5 meter**;
- 5.1.3 Memastikan jemaah membuat pendaftaran menggunakan MySejahtera atau menulis secara manual nama dan nombor

telefon serta mengimbas suhu badan;

- 5.1.4 Menyediakan petugas yang mencukupi bagi membantu kawalan jemaah dan melibatkan anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) jika perlu;
- 5.1.5 Menyediakan laluan masuk dan keluar;
- 5.1.6 Kerap melakukan sanitasi ruang solat dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan ruang wuduk;
- 5.1.7 Mengehadkan penggunaan tandas mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa; dan
- 5.1.8 Mengemukakan laporan pelaksanaan solat Jumaat, solat fardu lima waktu dan solat sunat tarawih setiap hari ke Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

## 5.2 Tanggungjawab Jemaah

- 5.2.1 Amat digalakkan membawa sejadah yang bersaiz standard;
- 5.2.2 Berwuduk sebelum hadir ke masjid atau surau;
- 5.2.3 Wajib memakai pelitup muka;
- 5.2.4 Membuat pendaftaran melalui aplikasi MySejahtera atau mencatat nama dan nombor telefon jika tidak menggunakan aplikasi MySejahtera;
- 5.2.5 Menggunakan pensanitasi tangan ketika hadir dan pulang;
- 5.2.6 Mengikut giliran dengan beratur serta menjaga penjarakan yang terkawal ketika masuk dan keluar;
- 5.2.7 Melaksanakan penjarakan fizikal di dalam dan luar masjid dan surau, sejauh **1.5 meter** antara satu sama lain;
- 5.2.8 Elakkan bersalaman sesama yang hadir;
- 5.2.9 Tidak bersesak di dalam tandas atau mana-mana ruang di masjid, surau Jumaat dan surau; dan



5.2.10 Meningkatkan kawalan sendiri.

## **6. PEMBATALAN**

Garis Panduan Pelaksanaan Solat Jumaat, Solat Fardu Lima Waktu Dan Aktiviti Pengimarahannya Di Masjid, Surau Jumaat Dan Surau Wilayah-Wilayah Persekutuan Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2021 dibatalkan.

## **7. KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN**

7.1 Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai **18 Mac 2021** mulai **solat fardu Subuh** hingga suatu ketetapan baharu dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

7.2 Garis Panduan ini terpakai bagi masjid, surau Jumaat dan surau di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

## **8. PENUTUP**

Garis panduan ini tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

**PENGARAH**

**JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

**31 Mac 2021M**

**17 Syaaban 1442H**